

# Ling Liong Sik kekal menteri

BH - 7 JUN 2000

Oleh Jamhariah Jaafar, Teh Kian Kiat

KUALA LUMPUR, Selasa — Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, menarik balik keputusannya untuk meletak jawatannya sebagai Menteri Pengangkutan.

Dalam sidang akhbar di Wisma MCA petang ini, beliau berkata, keputusan itu dibuat selepas meneliti 'semua seruan dan nasihat' pelbagai pihak serta perundingan dengan pemimpin MCA.

"Saya menghormati hasrat yang disampaikan oleh semua pihak, terutama ahli MCA, pemimpin masyarakat, penyokong dan rakan-rakan saya.

"Dengan ini saya ingin mengumumkan bahawa saya akan terus berkhidmat dalam kerajaan," katanya disambut tepukan gemuruh semua hadirin termasuk semua pemimpin tertinggi parti itu yang turut hadir pada sidang akhbar berkenaan.

Antaranya, Timbalan Presiden MCA, Datuk Lim Ah Lek, semua empat Naib Presiden, Datuk Dr Fong Chan Onn, Datuk Chua Jui Meng, Datuk Seri Ong Ka Ting dan Datuk Chan Kong Choy serta Ketua Pergerakan Pemuda dan Wanita, Datuk Ong Tee Kiat dan Datuk Dr Ng Yen Yen.

Dr Ling yang cnggan menerima sebarang soalan wartawan kelihatan segar dan tenang, di samping sempat berjenaka dengan pemberita yang menyuarakan perasaan tidak seronok kerana tidak dibenarkan bertanya.

"Tidak syok... tidak boleh hari-hari syoklah," katanya berjenaka sebelum membaca kenyataan rasmi satu muka surat.

Presiden MCA itu membuat kejutan pada 22 Mei lalu apabila mengumumkan peletakan jawatannya dalam Kabinet.

Bagaimanapun selepas didesak pelbagai pihak, Dr Ling membuat keputusan bercuti dua minggu ke luar negara sebelum membuat keputusan muktaamad. Beliau kembali dari Australia semalam selepas berehat selama sembilan hari.

Dalam kenyataan enam perenggannya, Dr Ling berkata, keputusannya tidak meletak jawatan sudah dimaklumkan kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad petang ini.

Katanya, Perdana Menteri sentiasa memberi nasihat dan bimbingan kepadanya dalam pelbagai aspek.

"Beliau juga menasihat saya mengekalkan jawatan menteri," kata Dr Ling yang menemui Dr Mahathir di Jabatan Perdana Menteri, Putrajaya, selama setengah jam pada 3.30 petang ini sebelum mengadakan pertemuan dengan semua ahli Jawatankuasa Pusat (CWC) MCA untuk mengumumkan keputusannya.

Dr Ling berkata, peletakan jawatannya pada akhir Mei lalu menimbulkan reaksi dari pelbagai pi-